

# Ibu bapa mesti peka elak anak dieksploitasi

**B**aru-baru ini sepasang suami isteri didakwa di Mahkamah Sesyen Kota Bharu kerana melakukan eksploitasi terhadap kanak-kanak remaja antara 13 hingga 16 tahun, pada Mac tahun lalu. Menurut pertuduhan, mereka melanggar peruntukan seksyen 2 Akta Kanak-kanak dan Orang Muda (Pekerjaan) 1966 kerana memperdagang kanak-kanak perempuan berusia 14 tahun.

Mereka yang juga Pengerusi dan Bendahari Pusat Latihan Amal Bestari, Yan Kedah, turut didakwa memperdagang empat remaja lelaki berusia 14 hingga 16 tahun. Mereka dituduh mengikut Seksyen 14 Akta Antiperdagangan Orang dan Anti-penyeludupan Migran (ATIPSOM) 2007 yang dibaca bersama Seksyen 34 Kanun Keseksaan, membawa hukuman penjara minimum tiga tahun dan maksimum 20 tahun serta denda.

Isu memperdagang kanak-kanak bukan perkara baharu dan apabila ia semakin meruncing, kerajaan meluluskan ATIPSOM pada 2007.

Sebelum 2007, Akta Kanak-kanak 2001 sudah ada peruntukan untuk menanganinya. Melihat

kepada peruntukan ini, sesiapa yang mempunyai hak memelihara kanak-kanak dan kemudian membenarkan kanak-kanak itu mengemis.

Dalam hal ini biasanya yang mempunyai hak memelihara anak adalah ibu atau bapa atau kedua-duanya tetapi anak dihantar ke sekolah atau pusat tertentu untuk belajar agama tetapi pusat atau sekolah berkenaan, menyalahgunakan hak pemeliharaan dengan menggunakan mereka mengutip derma bagi kepentingan sekolah atau peribadi.

**Diserah kepada ibu bapa**  
Mengikut Akta Kanak-Kanak 2001, kebanyakan kanak-kanak yang diselamatkan, diserahkan kepada ibu bapa yang perlu memastikan kanak-kanak itu tidak dihantar ke sekolah sama.

Namun, ramai ibu bapa menyerahkan semula anak kepada sekolah yang mengeksploitasi anak mereka. Sepatutnya ibu bapa dan sekolah itu boleh didakwa mengikut seksyen 32 ini, namun tiada dakwaan dibuat.

Apabila orang ramai mula buat laporan polis, mereka melihat kanak-kanak berkeliaran di

bank atau kedai makan meminta derma, kini sekolah atau pusat ini guna remaja 18 tahun. Walaupun sudah 19 tahun, tidak selamat anak gadis berkeliaran di tempat awam pada tengah malam. Kita tidak tahu mereka tidur di mana dan dengan siapa.

Oleh kerana peruntukan seksyen 32 Akta Kanak-Kanak 2001 kurang memberi kesan bagi membanteras perbuatan pemerdagangan, maka kerajaan meluluskan ATIPSOM ini.

Menurut Seksyen 14: "Mana-mana orang, yang memperdagangkan orang yang merupakan seorang kanak-kanak, bagi maksud eksploitasi, melakukan suatu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan, dihukum dengan penaraan tidak kurang tiga tahun tetapi tidak melebihi 20 tahun, dan boleh juga didenda".

Seksyen 16 pula memperuntukkan: "Dalam sesuatu pendakwaan bagi kesalahan di bawah seksyen 12, 13 atau 14, tidaklah jadi suatu pembelaan bahawa orang yang diperdagangkan itu merelakan perbuatan pemerdagangan orang".

Saya percaya kebanyakan kanak-kanak yang digunakan untuk meminta sedekah ini tidak

tahu perbuatan itu, termasuk sebagai 'pemerdagangan' iaitu menurut Seksyen 2 akta ini ialah ditakrif sebagai 'segala perbuatan yang membabitkan pemerolehan atau pengekalan tenaga kerja atau perkhidmatan seseorang melalui paksaan, termasuk perbuatan merekrut, mengangkut, memindahkan, melindungi, menyediakan atau menerima seseorang bagi maksud Akta ini.'

Kes pemerdagangan dan eksploitasi kanak-kanak hanya dapat diselesaikan jika semua pihak beri kerjasama. Jika ada kanak-kanak berkeliaran di kedai atau stesen minyak, orang awam perlu maklumkan kepada polis dan polis pula perlu segera menghubungi pegawai pelindung.

Tindakan seterusnya ialah mendakwa orang terbabit menjadikan kanak-kanak mangsa pemerdagangan. ATIPSOM lebih berkesan kerana bukan sahaja terpakai kepada kanak-kanak, tetapi juga kepada orang dewasa dan migran. Diharapkan pendakwaan ini dapat membanteras masalah pemerdagangan orang dan pengemis kanak-kanak.

## Komentari



**Datuk Noor Aziah Mohd Awal**

**Profesor** Undang-undang Keluarga, Wanita dan Kanak-Kanak, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)